

21/02/2001

Jangan politikkan isu gaji pekerja ladang: Samy Vellu

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berharap semua pihak bersabar menanti keputusan penyelesaian isu gaji bulanan pekerja ladang kerana perbincangan antara pihak wakil pekerja dan majikan baru dimulakan.

Beliau berkata, isu itu tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa singkat dan berharap ia tidak dijadikan modal politik oleh pihak tertentu untuk memburuk-burukkan beliau dan MIC.

"Perbincangan bagi penyelesaian masalah ini akan mengambil masa. Ia tidak boleh diselesai dalam masa dua tiga minggu, malah isu ini sudah dibincangkan lebih 25 tahun.

"Saya tahu ada pihak tertentu jadikan isu gaji bulanan pekerja ladang getah dan koko ini sebagai modal politik, malah mereka menuduh saya langsung tidak berbuat apa-apa untuk membantu mereka," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu bayaran gaji bulanan pekerja ladang getah dan koko yang masih belum selesai.

Samy berkata, isu bayaran gaji bulanan pekerja ladang kelapa sawit sudah diselesaikan melalui perbincangan antara Kementerian Sumber Manusia, Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (MAPA) serta Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) yang membawa kepada bayaran gaji bulanan RM325 sebagai had minimum.

Katanya, ini bermakna had gaji bulanan bagi pekerja ladang getah dan koko juga tidak boleh lebih rendah daripada RM325 yang ditetapkan kepada pekerja ladang kelapa sawit.

Beliau berkata, keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap nasib pekerja ladang turut membawa kepada penubuhan jawatankausa penyelidik yang diketuai Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn bagi mengkaji masalah berkenaan.

Ditanya mengenai kempen memburuk-burukkan MIC dan kepimpinannya, Samy Vellu berkata beliau kecewa dengan dakwaan sebuah majalah terbitan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bahawa kemunduran masyarakat India di negara ini disebabkan oleh MIC.

"Kempen (memburuk-burukkan) ini dibuat oleh majalah berkenaan yang mana ia ditulis oleh seorang yang tidak tahu langsung mengenai negara ini.

"Mereka menuduh masyarakat India berada pada tahap mundur disebabkan oleh MIC. Ia satu dakwaan yang berat sebelah dan mereka memutarbelitkan kebenaran dan tidak adil kepada orang lain," katanya.

(END)